

Sambutan Bulan Kemerdekaan USIM



BEGITU bersemangat mahasiswa USIM mengibarkan bendera Jalur Gemilang.

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melancarkan Sambutan Bulan Kemerdekaan Peringkat USIM anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar, baru-baru ini.

Sambutan itu bagi menyuntik semangat patriotik di kalangan generasi muda selain melancarkan Antologi Lirik Patriotik USIM 2013.

Itu adalah kesinambungan daripada penghasilan lirik dan lagu patriotik menerusi program Festival Cipta Lagu Patriotik (CIPTA).

Pelancaran dirasmikan Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Asma Ismail.